

Syarikat asing boleh miliki saham 100%

Dr. Mahathir - Menteri Kiri

UM 1 OCT 1986

Dari Zainuddin Maidin

NEW YORK 30 Sept. — Perdana Menteri Malaysia, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengumumkan beberapa peraturan baru bagi penanaman modal di Malaysia yang antara lain membenarkan syarikat - syarikat asing memiliki saham 100 peratus.

Bagaimanapun, peraturan baru itu mensyaratkan pengambilan pekerja di semua peringkat hendaklah sesuai dengan bilangan kedudukan kaum - kaum di Malaysia.

Ia juga mensyaratkan bahawa apabila penanaman modal asing kurang dari seratus peratus maka bakinya yang diuntukkan kepada rakyat Malaysia hendaklah mematuhi kehendak di bawah Dasar Ekonomi Baru.

Datuk Sri Dr. Mahathir membuat pengumuman ini ketika berucap di hadapan ahli - ahli perniagaan dan usahawan Amerika di Seminar Penanaman Modal Malaysia yang berlangsung di Hotel Waldorf Astoria di sini hari ini.

Beliau menyatakan bahawa syarat baru itu hanya diberikan kepada penanaman modal di dalam masa antara 1 Oktober 1986 hingga Disember 1990 dan dalam masa itu pelabur - pelabur tidak dikehendaki untuk menyusun kedudukan saham mereka.

Butir - butir syarat baru bagi penanaman modal di Malaysia yang diumumkan oleh Perdana Menteri adalah sebagai berikut:

Pertama: Sebuah syarikat yang mengeksport lebih dari 50 peratus pengeluarannya dibenarkan untuk memiliki saham asing 100 peratus.

LIHAT MUKA 6

Syarikat asing boleh miliki 100%

Kedua: Sesebuah syarikat yang menjual 50 peratus atau lebih dari pengeluarannya kepada syarikat-syarikat di dalam kawasan perdagangan bebas atau Licensed Manufacturing Warehouse (LMW) adalah dibenarkan memiliki ekuiti asing 100 peratus di semua peringkat.

Ketiga: Sesebuah syarikat yang pekerja sepenuh masa terdiri dari 350 orang rakyat Malaysia adalah dibenarkan untuk memiliki ekuiti mengikut berapa juga kadar yang diminta.

Keempat: Di mana saham asing kurang dari 100 peratus maka bakinya yang diambil oleh rakyat Malaysia hendaklah mematuhi Dasar Ekonomi Baru, peraturan ini akan dikenakan dengan penuh pertimbangan.

Kelima: Pengambilan pekerja Malaysia di semua peringkat hendaklah menggambarkan kedudukan kadar bilangan kaum di negara itu.

Keenam: Semua syarikat asing dengan modal berbayar AS\$2 juta akan secara automatik dibenarkan mempunyai lima jawatan pegawai asing di semua peringkat. Pertukaran kakitangan tidak memerlukan permit kerja yang baru. Visa akan diberikan secara automatik di dalam masa 10 tahun pertama penanaman modal. Tambahan jawatan pegawai asing akan diberikan bila perlu jika diminta.

Di dalam membuat pengumuman tersebut Datuk

Sri Dr. Mahathir menyatakan bahawa peraturan baru itu hanya ditawarkan kepada penanam modal asing di dalam perusahaan yang pengeluarannya tidak akan bersaing dengan pengeluaran yang telah wujud di Malaysia untuk pasaran dalam negeri.

Peraturan ini juga terbuka bagi syarikat-syarikat asing atau separuh asing yang tidak bersaing dengan perusahaan-perusahaan tempatan untuk meluaskan perusahaan mereka.

Beliau seterusnya menawarkan Malaysia sebagai pangkalan untuk perusahaan pembuatan bagi pengusaha-pengusaha Amerika terutama di bidang komponen dan pemasangan peringkat awal.

Katanya, bagi perusahaan-perusahaan yang tidak lagi dapat bersaing kerana berada di dalam negeri maka jawabannya ialah membuat penempatan semula.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata Jepun telah pun berbuat demikian apabila kenaikan kadar yen menyebabkan pengeluaran di negara itu menjadi mahal.

Perdana Menteri menarik perhatian bahawa penanaman modal Amerika di Malaysia adalah sangat kecil dibandingkan dengan jumlah penanamannya di seberang laut.

Sehingga sekarang ini penanaman modal Amerika di dalam bidang pembuatan berjumlah hanya AS\$128 juta bagi modal berbayar dan AS\$358 juta bagi harta tetap.

Beliau berkata langkah

Malaysia mempelbagaikan ekonomi dengan memasuki bidang pembuatan menjadi semakin penting dengan kejatuhan harga barang pengeluaran utamanya seperti getah, kelapa sawit, minyak, kayu dan timah.

Peranan 20 peratus yang disumbangkan oleh perusahaan pembuatan kepada ekonomi mesti ditingkatkan dengan cepat supaya pertumbuhan terus berlaku.

Beliau menunjukkan kemajuan yang dicapai oleh Malaysia di dalam bidang pembuatan di masa lalu dengan eksport barang pembuatan antara 1980 dengan 1985 telah meningkat dari AS\$2.4 bilion kepada AS\$4.7 bilion.

Katanya, untuk dekad yang akan datang kemajuan Malaysia akan ditumpukan kepada perusahaan-perusahaan yang berorientasikan eksport, mempercepatkan pertumbuhan di dalam bidang perusahaan utama yang dipilih atas asas faedah perbandingan dan juga pembangunan tenaga manusia serta kemampuan teknologi.

Olehnya ditegaskan bahawa untuk mencapai tujuan-tujuan tersebut Malaysia adalah memerlukan bantuan dari rakan-rakan terutama negara perusahaan di Timur dan juga di Barat.

Sebagai negara perusahaan yang utama Amerika Syarikat boleh memainkan peranan yang penting di dalam usaha pembangunan Malaysia, katanya.